

# **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

## **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 2 TAHUN 1977**

### **TEMPOH MEMBAYAR PREMIUM TAMBAHAN BAGI TANAH-TANAH YANG DILULUSKAN PENUKARAN JENIS KEGUNAAN TANAH DI BAWAH SEKSYEN 124 KANUN TANAH NEGARA**

---

---

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menarik semua PHT mengenai dasar kerajaan bersabit dengan kadar 'Premium Tambahan' bagi penukaran Jenis Kegunaan tanah di bawah Sek. 124 KTN bagaimana dalam Pekeliling PTG. Bil.7/1976.

2. Dalam dasar yang tersebut di atas tidak ada ditetapkan tentang tempoh membayar premium tambahan itu. Oleh itu MMK yang bersidang pada 20.1.1977 telah mengkaji dan menimbang semula soal ini bagaimana dalam kertas MMK Bil.2.89/77 (54) dan telah membuat ketetapan sebagai dasar bahawa bayaran premium tambahan bagi penukaran jenis kegunaan tanah di bawah seksyen 124 KTN dihadkan kepada 6 bulan mulai dari tarikh diberitahu kepada pemohon.

3. Dasar ini adalah hanya mengenai tempoh bayaran bagi penukaran jenis kegunaan tanah daripada Pertanian Kepada Bangunan atau daripada Pertanian /Bangunan kepada Perusahaan sahaja.

4. Dalam kes penukaran jenis tanaman, tempoh membayar premium tambahannya adalah tidak berubah sebagaimana dalam perenggan 6 (ii) Pengedaran PTG Bil.1 tahun 1971, iaitu hendaklah terlebih dahulu memungut deposit sekadar cukup untuk bayaran premium tambahan dan hasil tahun pertama bagi tanah yang berkenaan.

**t.t**  
**(Mohd. Tajol Aros bin Ahmad)**  
Pengarah Tanah Dan Galian,  
Kelantan

**KEPADA:**

Semua Ketua-ketua Jajahan dan  
Penolong Ketua Jajahan 1.  
dalam Negeri Kelantan

**SALINAN KEPADA:**

Y.B Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan.  
Y.B Dato' Pegawai Kewangan Negeri, Kelantan.  
Pengarah Ukur Kelantan.  
Juru Odit Negeri Kelantan.  
Pengarah LKTN Kelantan.  
Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah

**PEJABAT PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN,  
KELANTAN.**

**KOTA BHARU:** 5HB. MAC, 1977.

**FAIL:**PTG(KN) 176/(37)